

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH 2016**

DEWAN D2, MAEPS, SERDANG

**20 HINGGA 22 FEBRUARI 2017
WAKTU KETIBAAN : 10:00 PAGI**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi,
YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua
Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian, Rakan-rakan media

YB dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Para Penerima Anugerah yang diraikan

Warga Kementerian dan Agensi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

MUKADIMAH

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari ini di Majlis Perkhidmatan Cemerlang bagi meraikan pegawai-pegawai cemerlang warga KKLW bagi penilaian prestasi tahun 2016.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, penjawat awam telah diberikan pengiktirafan pada setiap tahun dengan anugerah **Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**. P.P.C. dianugerahkan kepada penjawat awam yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam prestasi kerja dan aktiviti atau sumbangan di luar tugas rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir selain memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan manakala APC pula dianugerahkan kepada penjawat awam yang telah menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun penilaian.

3. Sememangnya hari ini merupakan hari yang penuh bermakna buat kita semua kerana pada hari ini, penghargaan dan juga pengiktirafan akan diberikan kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas pencapaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkredibiliti dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing pada tahun 2016.

4. Bagi PPC, Mesyuarat Jawatankuasa Induk P.P.C (JKIPPC) yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)

pada 8 Ogos 2016 telah meluluskan seramai tiga (3) orang pegawai yang berkhidmat di Jabatan dan Agensi di bawah KKLW untuk menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2015.

5. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **SYABAS** dan setinggi-tinggi **TAHNIAH** kepada penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu **Encik Nik Syuharul Apizo bin Safien, Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Gred E44** dan **Encik Huzaireen bin Hassan Asri, Penolong Pegawai Latihan (Vokasional) Gred J36**, serta seorang lagi penerima daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), **Encik Anua bin Yusoff**, yang bertugas sebagai **Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S26**.

6. Bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 pula, seramai 2,926 orang telah dipilih **termasuk penerima yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak**. Pecahan penerima mengikut agensi adalah seperti berikut;

Bil.	Kementerian/Jabatan/Agensi	Jumlah
1.	KKLW/INFRA	70
2.	KEMAS	1,409
3.	JAKOA	86
4.	MARA	894
5.	RISDA	327
6.	KEDA	30
7.	KEJORA	37
8.	KESEDAR	41
9.	KETENGAH	32
JUMLAH KESELURUHAN		2,926

7. Saya percaya, penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa setiap kerja kuat, usaha, pengorbanan dan sumbangan yang tuan-tuan dan puan-puan berikan dalam perkhidmatan sentiasa dihargai dan tidak pernah dipandang sepi oleh kerajaan dan pihak pengurusan KKLW khususnya. Jadikanlah anugerah ini sebagai titik tolak untuk kita terus memacu sasaran KKLW untuk membangunkan luar bandar dan juga perkhidmatan awam.

8. Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja merupakan pencapaian individu, malahan boleh menjadi penyuntik semangat dan inspirasi kepada rakan-rakan lain dan semua warga KKLW untuk bekerja dengan lebih komited dan berdedikasi bagi memastikan enam (6) fokus mentransformasikan luar bandar KKLW iaitu pembangunan prasarana, pembangunan belia, pembangunan ekonomi, keusahawanan, pembangunan modal insan dan sistem penyampaian berjaya

mencapai matlamatnya dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

HALA TUJU PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

9. Sememangnya, cabaran penjawat awam adalah amat besar dan sentiasa menjadi perhatian rakyat dalam menentukan setiap dasar kerajaan dapat dilaksanakan sebaiknya. Maka dengan itu, Kerajaan telah memperkenalkan **Kerangka Hala Tuju Strategik Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam** bagi menghadapi cabaran semasa dalam perkhidmatan awam. Ia merupakan pelan jangka panjang untuk mentransformasikan perkhidmatan awam ke arah memantapkan peranan sektor awam sebagai pemudah cara dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi.

10. Pelan ini adalah sejajar dengan tiga (3) tonggak ke arah merealisasikan Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Nasional Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ini memperlihatkan kesedaran bahawa matlamat KKLW untuk memajukan kawasan luar bandar dan membangunkan komunitinya tidak dicapai secara *in-silo* tetapi diintegrasikan dengan matlamat Kerajaan keseluruhannya. Antara aspek yang ditekankan dalam pelan ini adalah aspek memotivasikan prestasi tinggi melalui pewujudan ekspetasi terhadap prestasi, penilaian keberhasilan, penetapan akauntabiliti dan penyediaan ganjaran serta pengiktirafan berdasarkan prestasi.

11. Justeru, tujuan penganjuran majlis pada hari ini amat bertepatan kerana ia adalah salah satu bentuk penghargaan Kerajaan terhadap pencapaian dan kecemerlangan warga KKLW yang sentiasa komited dan berwibawa dalam mencapai visi, misi dan dasar KKLW untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara holistik dan efektif.

12. Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, Kerajaan telah memperkenalkan **Pekeliling Perkhidmatan Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (Fast Track)** bagi mengiktiraf pegawai-pegawai yang berpotensi tinggi iaitu memiliki daya kepimpinan, pemikiran dan komunikasi aras tinggi, berani mengambil risiko serta merupakan pencetus inovasi nilai. Pegawai *fast track* ini merupakan calon yang berpotensi untuk mengisi jawatan strategik semasa dan akan datang.

13. Pegawai-pegawai ini juga boleh diberi keutamaan mengisi kekosongan jawatan di gred yang lebih tinggi mendahului pegawai lain di gred yang sama atau gred yang lebih kanan dalam skim perkhidmatan yang sama melalui kenaikan pangkat sekiranya memenuhi kesemua syarat kenaikan pangkat yang berkuatkuasa dan melepasi tapisan *fast track*.

14. Kerajaan turut memperkenalkan **Pekeliling Perkhidmatan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME)** bagi mengiktiraf pegawai-pegawai yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi. Ini bagi memastikan bakat terbaik dan kepakaran tinggi dalam perkhidmatan awam dapat dikekalkan. Melalui kaedah ini pegawai layak diberikan pemangkuan atau kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang jika melepasi tapisan kepakaran yang ditetapkan.

15. Seterusnya, pegawai awam yang dikenal pasti berpotensi dan berkemahiran akan diberikan latihan yang mencukupi supaya kemahiran dan pengetahuan yang ada dapat dikekalkan dan ditambah baik agar seiring dengan peredaran masa dan arus teknologi terkini supaya terus menjadi sumber rujukan pihak berkaitan pada masa akan datang.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

INTEGRITI

16. Dalam menghadapi cabaran kerjaya sebagai penjawat awam, suka untuk saya berpesan agar tuan-tuan dan puan-puan mengutamakan integriti bagi mengelakkan sebarang kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan pecah amanah. Kita sebagai penjawat awam juga tidak seharusnya mengambil mudah tentang aspek integriti dalam mengejar kecemerlangan dan kemajuan kerana kesan buruk bukan sahaja akan diterima oleh kita sendiri malah akan turut memberi kesan kepada kemajuan negara malah kepada generasi yang akan datang termasuk anak-anak kita. Tidak kira di mana kita ditempatkan, laksanakanlah tugas kita dengan penuh integriti, berhemah, berdedikasi, ikhlas dan juga amanah. Amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada setiap penjawat awam hendaklah ditunjukkan dengan pelaksanaan dari segi keberkesanan dan integriti yang tinggi.

INOVATIF DAN BERFIKIR DI LUAR JANGKAUAN

17. Kepesatan teknologi komunikasi pada hari ini merupakan cabaran terbesar Kerajaan dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat. Justeru itu, proses ini memerlukan komitmen dan kerjasama yang tinggi daripada semua peringkat, tahap penguasaan ilmu yang meluas dan bersikap terbuka memenuhi jangkauan rakyat yang semakin bertambah, pelbagai dan sentiasa berubah. Oleh itu, saya menyeru semua warga KKLW untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam menentukan kaedah dan strategi yang inovatif serta berkesan digunakan demi menghasilkan manfaat dan *outcome* yang tinggi, cepat dan *sustainable* untuk

meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat di luar bandar. Program-program dan projek hendaklah dilaksanakan dengan kos yang berpatutan untuk menghasilkan *outcome* yang tinggi. **ROI** atau **Return of Investment** dalam perkhidmatan awam juga hendaklah digunakan untuk mengukur, menilai dan menentukan setiap ringgit yang dibelanjakan untuk menyampaikan perkhidmatan awam dapat menghasilkan manfaat untuk dinikmati rakyat.

PENJAWAT AWAM SEBAGAI AGEN TRANSFORMASI

18. Sememangnya, penjawat awam merupakan agen transformasi kepada masyarakat luar bandar dan juga bertindak sebagai penghubung antara rakyat dan Kerajaan. Besar harapan saya agar seluruh warga KKLW untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang berkualiti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selain itu, diharapkan agar segala usaha warga KKLW ke arah menjayakan Transformasi Membandarkan Luar Bandar dapat direalisasikan.

PELAKSANAAN TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

19. TN50, atau Transformasi Nasional 2050, merupakan satu inisiatif pembangunan negara jangka panjang yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019.

20. Sebagai sebahagian daripada persediaan dan tahap pembangunan TN50, Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak telah mencetuskan idea untuk memulakan proses pelaksanaan dengan mengadakan 'Perbincangan TN50', siri penglibatan dan aktiviti-aktiviti wacana yang bertujuan untuk mencetuskan aspirasi rakyat serta menentukan bidang untuk transformasi termasuk ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.

21. Ekspektasi rakyat terhadap Kerajaan sudah pasti akan lebih tinggi selepas ini dengan pelaksanaan TN50 dan kita di KKLW juga tidak terkecuali dalam memenuhi ekspektasi ini. Tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam adalah merupakan penggerak TN50 ini dan pencapaian perkhidmatan awam yang baik adalah merupakan pencapaian negara di mata masyarakat dunia amnya dan di mata rakyat khususnya. Justeru, saya berharap agar kita dapat bekerja bersama-sama YAB Perdana Menteri untuk menjayakan TN50 ini.

PENUTUP

YBhg Dato', Datin' para hadirin sekalian,

22. Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari yang amat bermakna ini, sekali lagi TAHNIAH dan SYABAS saya ucapkan kepada semua penerima P.P.C dan APC sempena majlis ini. Pesanan saya, kekalkanlah momentum kecemerlangan dan standard yang telah berjaya dicapai malah sentiasalah berusaha mempertingkatkan lagi pencapaian cemerlang anda. Saya berdoa semoga dinamik kejayaan anda semua tidak akan terhenti di sini.

23. Saya juga mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kerja majlis dan individu yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan masjlis kita selama tiga hari berturut-turut ini.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perkhidmatan Cemerlang KKLW bagi tahun 2016.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Terima kasih.